

## **Soverus Group Bekerjasama Dengan Anakanda Sultan Johor Untuk Khidmat Sekuriti Premium Di Iskandar Malaysia**

**Bernama**

**14 Mac, 2014**

**Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah**

SINGAPURA, 14 Mac (Bernama) -- Soverus Group, syarikat penyelesaian keselamatan utama milik peniaga Singapura, Peter Lim dan anakanda putera Sultan Johor, Tunku Abdul Rahman, memeterai memorandum persefahaman (MoU) untuk menubuhkan perniagaan keselamatan premium di Iskandar Malaysia.

Menurut MoU, syarikat usaha sama itu akan meneroka permintaan di Iskandar Malaysia untuk perkhidmatan keselamatan peribadi yang baik dan boleh dipercayai, termasuk bersenjata dan tanpa senjata.

MoU itu ditandatangani antara Ketua Pegawai Eksekutif Soverus Group Paul Lim dan Tunku Abdul Rahman.

Lim berkata ia merupakan usaha pertama Soverus Group di luar Singapura dan menambah, syarikat itu sentiasa merancang untuk bergerak melampaui sempadan pulau itu.

"Iskandar yang menjadi jiran terdekat di Utara dan (kami lihat) pelabur akan datang ke rantau ini, penduduk asing juga berpindah ke sini dan pertumbuhan akan memewahkan rakyat Johor.

"Berdasarkan latar belakang ini, secara semula jadi, memang akan ada peningkatan permintaan untuk perkhidmatan sekuriti premium," katanya kepada sidang akhbar selepas majlis menandatangani perjanjian itu.

"Kami akan berkembang secara organik yang bermaksud kami akan melatih bakat baharu untuk memulakan perniagaan sekuriti. Kita akan mencari dan memperoleh syarikat yang baik dalam bidang keselamatan supaya kita boleh bekerjasama dengan rakan-rakan baharu yang sudah pun berada dalam bidang ini dan mungkin mengetahui demografi pasaran Malaysia, khususnya Iskandar," katanya.

Beliau juga berkata Soverus telah mengenal pasti beberapa syarikat untuk pengambilalihan dan telah mengadakan perbincangan, rundingan dan siasatan ke atas syarikat yang mahu diambil alih.

Ditanya mengenai butiran pembelian, katanya, Soverus akan memberi fokus kepada syarikat keselamatan yang memiliki rekod prestasi yang baik, pelanggan yang baik dan mempunyai reputasi yang baik dalam pasaran dan terlibat dalam bidang integrasi sistem teknologi keselamatan

Mengenai pengembangan syarikat, Lim berkata:"Apabila Soverus telah mengukuhkan

kedudukannya di Iskandar, ia merancang untuk berkembang ke bahagian-bahagian lain di Malaysia termasuk Kuala Lumpur, Pulau Pinang.

Katanya pada peringkat awal perniagaan Soverus, ia tertumpu untuk menyediakan perkhidmatan kawalan namun hari ini ia telah berkembang dan diperluaskan dalam menyediakan pelbagai penyelesaian keselamatan termasuk perunding keselamatan untuk sistem penyelesaian, sistem keselamatan, keselamatan tag, keselamatan siber, analisis data yang besar, forensik Teknologi Maklumat dan penyiasat persendirian.

Mengulas mengenai perkongsian itu, Tunku Abdul Rahman berkata: "Saya kagum terhadap perkembangan pesat sejak empat tahun kebelakangan ini, dari mula sehingga menjadi pembekal utama keselamatan dengan lebih 600 pekerja.

"Saya berharap untuk bekerja dengan Soverus dan pasukan pengurusannya untuk membina sebuah firma keselamatan yang serupa dan boleh dipercayai di Johor,' katanya.

Perkhidmatan kawalan yang disediakan oleh Soverus telah dianugerahkan gred tertinggi "A" oleh Pasukan Polis Singapura dan merupakan satu-satunya syarikat keselamatan yang memenangi Anugerah Jenama Berprestij yang elit itu di Singapura.

Pelanggannya termasuk syarikat cip biru dan agensi kerajaan.

Lim muncul sebagai salah satu daripada pelabur terbesar di Wilayah Iskandar sejak dua tahun lepas.

Rowsley Ltd, dengan pemegang saham utamanya terdiri daripada keluarga Diraja Johor dan Lim, sedang membangunkan sebuah satu pembangunan bersepadu di sebidang tanah Perdana 9.23 hektar, bernilai RM10 bilion di pusat bandar Johor Bahru.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1021981>